

SOALAN NO.: 149

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : BUKAN JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK DR. MAKIN @ MARCUS MOJIGOH
[PUTATAN]**

SOALAN :

Datuk Dr. Makin @ Marcus Mojigoh [Putatan] minta MENTERI PERUSAHAAN PERLADANGAN DAN KOMODITI menyatakan :-

- (a) langkah yang diambil oleh Kementerian untuk mengatasi masalah ketiadaan jalan ke Tanah Adat (dan tanah yang belum diterokai) milik Bumiputera Sabah dan Sarawak bagi memudahkan mereka untuk memasarkan komoditi mereka; dan

- (b) jumlah dana yang disediakan bagi maksud di atas serta di mana iaanya dilaksanakan dan agensi mana yang melaksanakannya bagi pihak Kementerian

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

- (a) Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Perusahaan Perladangan dan Komoditi sentiasa berusaha membantu pekebun kecil persendirian yang mengusahakan tanaman komoditi seperti sawit, getah, koko, lada dan tembakau di seluruh negara. Ini termasuk penyediaan jalan ladang baharu dan baik pulih jalan sedia ada bagi pekebun kecil persendirian yang mengusahakan tanaman komoditi di atas tanah adat di Sabah dan Sarawak.
- (b) Dari tahun 2011 sehingga 2013, Kementerian telah membina jalan ladang pekebun kecil (JLPK) yang melibatkan 412.9km dengan peruntukan sebanyak RM75 juta diseluruh negara. Bagi tahun 2014, peruntukan sebanyak RM40 juta telah disediakan di mana RM6.7 juta diperuntukan bagi tujuan pembinaan JLPK sejauh 58.7km di Sabah, RM18.7 juta di Sarawak untuk pembinaan 162.9km. Manakala di Semenanjung, sejumlah RM14.6 juta diperuntukkan untuk pembinaan JLPK sepanjang 115.6km. Bagi tahun 2014, Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS) telah dilantik untuk melaksanakan program JLPK di bawah seliaan Kementerian ini.

Sekian, terima kasih.